

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PENUTUPAN KEJOHANAN PIALA PUSINGAN PERDANA
Lokasi : KUCHING, SARAWAK
Tarikh : 19-09-1993

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya Kejohanan Badminton Piala Pusingan 1993 selamat sempurna dengan jayanya pada petang ini.

2. Di dewan yang tersergam dan indah ini berlangsung pada dua bulan dahulu, Malaysian Open Championship di mana jaguh-jaguh dunia berkumpul untuk merebut kejuaraan kejohanan. Tentu sekali para hadirin kagum dengan kehebatan pemain-pemain dunia dan tentu sekali juga penonton-penonton kagum melihat cara dan mutu permainan mereka yang begitu tinggi sekali.

3. Saya berasa amat risau sekiranya para hadirin membuat bandingan di antara 'Malaysian Open' dan 'Malaysian Wanita Close', kerana ini tentu sekali akan membuatkan hadirin berasa 'let down' dengan corak permainan kami.

4. Namun begitu, saya berharap para hadirin mengambilkira beberapa faktor berkaitan dengan pemain-pemain kita. Yang pertama sekali, kalau mengikut peraturan International Badminton Federation/Badminton Association of Malaysia, ramai peserta kejohanan kami patut 'retire' lama dahulu kerana sudah lanjut umur, lebih daripada 35 tahun. Pemain-pemain kebangsaan bersara pada umur 31-32 tahun, kami yang lebih 60 tahun pun masih bermain! Daripada segi kesihatan pula ada yang 'physically and mentally unfit', kerana jarang-jarang sekali bermain dan sentiasa diganggu oleh hal suami dan keluarga.

5. Para hadirin telahpun melihat dengan sendiri telatah pemain-pemain kita. Ada yang agresif, ada yang benar-benar boleh dicalonkan sebagai pemain Uber Cup pada tahun hadapan; dan ada yang lucu. Inilah semangat kami isteri-isteri pemimpin-pemimpin bermain. Sebagai suri rumah, masing-masing cuba sedaya upaya membuktikan kehandalan dengan cara unik dan tersendiri.

6. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pasukan PEKERTI Negeri Sembilan yang menjadi Johan Piala Pusingan Perdana '93 dengan permainan yang cemerlang dan begitu kental sekali. Tidak kurang hebat ialah Naib Johan Pasukan PERAWANISPA. Syabas dan tahniah juga.

7. Kepada pasukan-pasukan yang telah mencuba sedaya upaya, penyertaan saudara-saudari sahaja sudah mencukupi untuk membuktikan minat saudari-saudari terhadap sukan badminton dan hasrat untuk berjumpa antara kita semua di Sarawak kali ini. Syabas kerana mencuba sedaya upaya.

8. Kejayaan dan kesempurnaan kejohanan ini tidak akan tercapai sekiranya tiada kerjasama dan pertolongan beberapa pihak. Selaku Yang Di Pertua BAKTI dan bagi pihak semua pasukan yang hadir, saya ucapkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak. Kehadiran Yang Amat Berhormat dalam upacara penutupan kejohanan petang ini dan kesudian menyampaikan hadiah-hadiah adalah besar ertinya kepada kami semua. Saya juga mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak atas segala kemudahan yang disediakan untuk peserta-peserta sepanjang 4 hari kami disini.

9. Kepada Yang Amat Berbahagia Puan Sri Datuk Amar Laila Taib, Yang Di Pertua SABATI, saya ucapkan tahniah dan berbilang terima kasih kerana mengatur upacara dan kejohanan ini dengan lycin hingga ke akhirnya hari ini.

10. Tidak lupa saya penghargaan dan terima kasih diberi kepada pegawai-pegawai dari Majlis dan Persatuan-persatuan Sukan Sarawak dalam menentukan kejohanan ini berlangsung mengikut undang-undangnya. Tentu sekali ada banyak kesalahan berlaku tetapi saya rasa para pengadil telah

mengambil kira banyak perkara sebelum tindakan diambil terhadap peserta.

11. Perhubungan di antara SABATI dan ketua-ketua pasukan amatlah penting dalam kejayaan Kejohanan ini. Saya ucapkan tahniah kepada Urusetia SABATI, khasnya kepada Yang Berbahagia Datin Jamilah Adenan yang sentiasa memberi maklumat melalui telefon, faks dan pesanan lisan supaya setiap pasukan tidak ketinggalan dalam mendapat berita-berita yang terbaru. Terima kasih Datin.

12. Mengaturkan lebih kurang 250 peserta, pegawai dan penyokong-penyokong dari 10 buah negeri ke Kuching dengan kapal terbang bukanlah perkara yang mudah. Sebahagian besar peserta berkumpul di Kuala Lumpur untuk terbang bersama-sama ke Kuching. Dengan kerjasama pihak MAS, banyak masalah tempat dan masa terbang diatasi. Saya ucapkan terima kasih banyak kepada pihak MAS dan khasnya kepada Yang Berbahagia Datin Siti Aishah Ghazali yang mengelolakan tempahan-tempahan penerbangan peserta dengan penuh kesabaran.

13. Banyak lagi pihak perlu saya sebutkan di sini tetapi memadailah saya ucapkan dengan ikhlas berbilang terima kasih dan penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk menjayakan Kejohanan Piala Pusingan Perdana '93 ini.

14. Tuan rumah Kejohanan '94 telahpun ditentukan dalam Mesyuarat Majlis Kejohanan. Saya ucapkan terima kasih kepada Perlis kerana menawar diri untuk menjadi tuan rumah yang akan datang. Inilah semangat yang dialu-alukan dan saya yakin perjumpaan kita di Perlis akan juga meriah dan teratur seperti di Kuching ini.

15. Saya percaya semua pasukan akan meninggalkan Dewan ini dan Kuching dengan kenangan manis dan perasaan bahawa tujuan kita menjalin perpaduan dan kemesraan antara kita wanita tercapai. Semoga perasaan ini berterusan dan berkekalan melalui sukan dan lain-lain pertemuan.

16. Sekali lagi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan SABATI kerana menjemput kami semua. Sehingga bertemu lagi di Perlis saya berdoa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala mengurniakan keselamatan kepada kita semua balik ke keluarga masing-masing dan dicucuri rahmat bahagia dan kesejahteraan.

Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
